



Guna herba kala berpantang

Disiplin yang baik sepanjang tempoh berpantang di samping penggunaan herba membantu anda mengekalkan tahap kesihatan dan kecergasan tubuh.



Masyarakat dahulu kala dipercayai berupaya hidup lebih lama dan kekal sihat kesan daripada rutin berpantang yang diikuti dengan penuh tekun. Tambahan pula penggunaan herba sewaktu berpantang membantu para pengamalnya kelihatan lebih menarik selepas melahirkan. Malah ia turut dapat memastikan si pengamal menghindarkan diri daripada pelbagai jenis penyakit.

Dalam memenuhi tuntutan gaya hidup moden, TYT tampil dengan membariskan produk-produk herba bermutu yang boleh anda gunakan ketika berpantang. Dengan yang demikian, anda tentu sahaja mampu mencapai matlamat untuk kekal sihat dan terus cergas.

Mandian herba berpantang

Jika bersalin secara normal, anda boleh mandi selepas 7 hari. Namun, bagi yang melahirkan anak secara *caesarean* pula, anda hanya boleh mandi selepas 10 hari. Walaupun tidak dibenarkan mandi dalam tempoh tersebut, anda digalakkan untuk membersihkan diri dengan mengelap tubuh. Namun begitu, anda tidak disyorkan untuk mengelap tubuh menggunakan air sejuk semata-mata. Hal ini akan menyebabkan anda mengalami masalah sakit kepala yang teruk akibat daripada angin yang memasuki tubuh.

Oleh yang demikian, anda boleh mengelap seluruh tubuh tanpa ragu-ragu dengan menggunakan mandian herba berpantang TYT yang dihasilkan daripada formula tradisional. Mengandungi herba-herba terpilih, mandian herba berpantang TYT membantu memanaskan tubuh, mengeluarkan angin, menggalakkan pengaliran darah sekali gus memberi kelegaan

Rendaman herba kaki

Amalan merendam kaki dapat memperbaiki peredaran darah, meningkatkan metabolisme dan paling menarik dapat membantu anda yang mungkin mengalami kesukaran untuk tidur. Jadi, nikmatilah kelegaan selepas menggunakan rendaman herba kaki TYT yang amat mudah untuk disediakan. Ia seolah-olah seperti anda merawat kaki di spa. Produk yang sama turut boleh anda gunakan untuk mandian wap, jakuzi atau spa. Malah boleh digunakan untuk mencuci rambut juga.

Cara menggunakannya:

1 Didihkan air dan masukkan ke dalam bekas khas. Masukkan juga 1 bungkus rendaman herba kaki



ke dalamnya.
2 Masukkan air sejuk mencukupi agar air tersebut menjadi suam.
3 Masukkan kedua-dua belah kaki ke dalam bekas berkenaan dan biarkan selama 15 hingga 30 minit.
4 Untuk kesan yang lebih baik, gunakan bersama minyak herba TYT dengan mengurut seluruh bahagian kaki.

kepada anda selepas melalui kesakitan sepanjang tempoh bersalin.

Penggunaan produk ini sudah pasti memudahkan anda kerana tidak lagi perlu bersusah payah mencari herba-herba tertentu untuk dijadikan bahan utama mandian. Semuanya tersedia dalam bungkus khas. Apa yang perlu anda lakukan ialah menggantung bungkus tersebut. Seterusnya, masukkan ke dalam periuk khas berisi air dan didihkan agar air tersebut dapat digunakan untuk tujuan mandi ataupun mengelap tubuh.

Selain daripada itu, produk yang sama turut boleh dikongsi untuk digunakan bersama ahli



keluarga yang lain. Malah, anda boleh menggunakannya selepas habis tempoh berpantang juga. Khasiat yang terkandung di dalam mandian herba ini bermanfaat dalam membantu anda mahupun sesiapa pun jua untuk menenangkan diri dan melegakan keletihan tubuh.

Cara menggunakannya:

1 Masukkan 2 bungkus mandian herba TYT ke dalam 3 liter air dan didihkan dalam tempoh 15 - 30 minit.
2 Biarkan air dididih suam dan gunakannya sama anda untuk mengelap tubuh ataupun mandi. Anda mungkin perlu memasukkan air suam tambahan ke dalam mandian yang disediakan jika ia tidak mencukupi untuk kegunaan semasa mandi.
3 Jika anda hanya menggunakannya untuk mengelap tubuh, 1 bungkus mandian herba TYT sudah mencukupi. Jika untuk mandi, gunakan 2 bungkus.



Minyak herba pelbagai guna

Produk ini mendapat kelulusan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia. Jadi, ia selamat untuk anda gunakan untuk mengeluarkan angin, melegakan sakit perut, terseliuh, kesan bakar, luka, gigitan atau sengatan serangga; lebam, sakit belakang, sengal tulang dan kecederaan ringan yang lain. Malah, ia diakui selamat untuk digunakan ke atas bayi.

Antara bahan yang terkandung di dalam produk ini terdiri daripada serai dan minyak kelapa sawit. Oleh kerana itulah, minyak ini berbau harum. Lebih daripada itu, ia tidak meninggalkan kesan hangat. Dengan yang demikian, anda mahupun bayi yang menggunakannya tidak akan berasa panas seperti yang lazim berlaku sewaktu menggunakan

minyak herba yang lain.

Cara menggunakannya:

- * Mengurangkan sakit atau perut berangin
- Sapu minyak di antara telapak tangan. Kemudian urut di bahagian perut yang bermasalah. Ulangi sehingga kehangatan dapat dirasakan.
- * Mengeluarkan angin
- Sapu dan urut kaki dan tangan sehingga berasa panas. Ulangi 3 - 4 kali sehari.
- * Mengatasi bengkak
- Sapu dan urut tangan dan kaki sehingga berasa panas sebelum tidur. Kemudian, pakai stoking untuk mengekalkan kehangatan di bahagian berkenaan agar darah dapat mengalir dengan lancar.
- * Melegakan sakit belakang
- Sapu di bahagian bermasalah sehingga berasa panas. Ulangi 2 - 3 kali sehari untuk kesan yang lebih baik.

Info herba TYT

1 Daun argy wormwood
 Menghilangkan selesema, melegakan kesakitan di bahagian bawah abdomen dan menghentikan pendarahan.

2 Herba motherwort
 Mengaktifkan pengaliran darah dan membantu mengatasi masalah urin.

3 European verbena
 Mengurangkan penakungan air dalam tubuh.

4 Batang orientvine
 Mengurangkan sakit dan membantu diuresis.

5 Kulit kayu manis
 Menghangatkan tubuh,

menghilangkan selesema dan mengurangkan penakungan air dalam tubuh.

6 Kulit limau bali
 Rebusan kulit limau bali digunakan untuk mengurangkan sakit kepala, selesema dan mengurangkan panas dalam badan.

7 Serai, menggalakkan pengaliran darah.

8 Chinese angelica
 Mengaktifkan aliran darah dan melegakan kesakitan.

9 Halia kering. Melegakan kesakitan arthritis.

10 Daun piper betel
 Aromatik dan anti-bakteria.